



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

SIARAN MEDIA

LAWATAN KERJA YB MENTERI SUMBER MANUSIA DAN PELAKSANAAN VETERAN MYWIRA DAN PROGRAM PEMBANGUNAN BAKAT PERINGKAT NEGERI PERLIS

PERLIS, 3 NOVEMBER 2024 - Menteri Sumber Manusia, YB Encik Steven Sim Chee Keong telah mengadakan lawatan kerja ke Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kangar, Perlis bagi merasmikan dua program iaitu Pelaksanaan Veteran MyWIRA oleh TalentCorp serta menyaksikan Pelaksanaan Program Pembangunan Bakat Peringkat Negeri Perlis yang diperkenalkan oleh HRD Corp dengan tujuan untuk meningkatkan kemahiran dan peluang pekerjaan dalam kalangan rakyat negeri Perlis.

Melalui inisiatif Veteran MyWIRA, anggota veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) akan diberi peluang untuk meningkatkan kemahiran mereka selaras dengan permintaan pasaran pekerjaan dan peralihan ke sektor swasta. Inisiatif ini bertujuan untuk memberikan kekuatan kepada veteran dalam membuat sumbangan besar kepada ekonomi negara, sekaligus meningkatkan peluang pekerjaan dan kualiti hidup mereka secara keseluruhan.

Pendekatan yang diambil oleh YB Menteri KESUMA dengan prinsip 'tiada sesiapa yang tertinggal' atau 'No One Left Behind'. Dengan pengalaman dan kemahiran yang ada, veteran berpeluang untuk membangunkan industri dan memastikan produktiviti yang tinggi, sekali gus meningkatkan ekonomi rakyat dan negara secara keseluruhan.

Manakala Program Pembangunan Bakat Peringkat Negeri Perlis merupakan inisiatif baharu oleh HRD Corp yang dilaksanakan dibawah Program Latihan MADANI (PLM) seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam Belanjawan 2025. Objektif utama program ini adalah untuk membantu mengurangkan kadar kemiskinan di Perlis yang kini berada pada 4%, melalui penyediaan kursus kemahiran dan keusahawanan yang memfokuskan kepada Pertanian Pintar dan TVET.

Sebagai sebahagian daripada program ini, HRD Corp akan menyerahkan Sijil Pelantikan kepada Rakan Strategik Program Kolaborasi Pembangunan Bakat Negeri Perlis, yang merangkumi:

- i. Institut Latihan Perindustrian Kangar
- ii. Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

- iii. Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
- iv. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Perlis
- v. Majlis Agama dan Istiadat Melayu Perlis
- vi. Boomslang Dynamics Sdn Bhd

Program ini bertujuan untuk menyediakan tenaga kerja berkemahiran yang dapat mengurangkan kadar pengangguran dan meningkatkan ekonomi negeri, memberikan latihan kemahiran keusahawanan dalam bidang pertanian moden, elektrik, dan makanan, dengan harapan dapat membantu komuniti untuk memulakan perniagaan dan menjamin ketahanan makanan negara serta menawarkan penempatan industri kepada peserta selepas tamat latihan, selaras dengan keperluan pasaran.

Kumpulan sasaran program ini adalah rakyat negeri Perlis daripada golongan pendapatan B40 dan asnaf, dengan harapan untuk memberikan manfaat kepada 200 pelatih. Program latihan dijadualkan bermula pada tahun 2025.

Pelaksanaan Program Pembangunan Bakat Negeri Perlis adalah langkah penting dalam menyokong usaha Kerajaan Negeri untuk menjayakan 'Tahun Melawat Perlis 2024-2025'. YB Menteri Sumber Manusia dalam ucapannya berharap program ini dapat memberi impak yang positif dan berpanjangan kepada masyarakat dan ekonomi negeri Perlis.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
3 NOVEMBER 2024